

# Memperkasa kerjasama universiti – industri

**UTUSAN:** Sejauh mana pentingnya kerjasama antara universiti dan industri?

**WAHID:** Kewujudan dua entiti ini sebenarnya saling lengkap melengkap, jika kita lihat peranan universiti itu sendiri bukan hanya terbatas dalam ruang lingkup penciptaan dan penyebaran ilmu. Malah lebih daripada itu, sebuah universiti juga berperanan dalam memastikan graduan yang dilahirkan kelak dapat memenuhi keperluan industri.

Bagi pihak industri pula, mereka melihat universiti sebagai sumber utama bagi memenuhi keperluan tenaga mahir yang diperlukan untuk memacu organisasi mereka agar terus kekal kompetitif untuk berhadapan dengan cabaran masa kini.

Kejayaan kerjasama ini bukan sahaja bergantung kepada universiti dan industri sahaja. Universiti adalah sebagai penyedia bakat dan akreditasi, industri pula sebagai penyedia pekerjaan manakala peranan pihak kerajaan sebagai badan *regulatory* dan pihak komuniti sebagai penerima perkhidmatan dan penyokong. Kerjasama ini dinamakan sebagai *Quadruple Helix*.

**UTUSAN:** Pihak luar melihat hubungan antara universiti dan industri ini lebih popular melalui kerjasama untuk menjayakan program latihan industri kepada pelajar tahun akhir. Apakah peranan lain yang signifikan dimainkan industri terhadap universiti?

Peranan universiti dan industri berbeza dan mempunyai skop tersendiri walaupun ada persamaan. Pada pandangan saya, *performance* industri bergantung kepada universiti dan *vice versa*. Kitaran hidup industri menjadi pendek sekiranya tiada sokongan penyelidikan dan *performance* universiti juga akan menjadi rendah sekiranya produk universiti tidak relevan dengan industri. Sebagai contoh, Ludwig Maximilian University di Jerman adalah universiti yang berjaya menerima sumber dana industri yang paling tinggi di dunia pada AS\$392,800 per staf akademik.

Pandangan serta lontaran idea dari pihak industri sememangnya amat dititikberatkan pihak uni-

## MUKADIMAH PROGRAM Advokasi Ilmuwan Majlis

Profesor Negara (MPN) bersama *Utusan Malaysia* dan Radio Televisyen Malaysia (RTM) diadakan di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) hari ini.

Program bertajuk Kerjasama Universiti-Industri: Apa Masalahnya? bertujuan menilai semula adakah hubungan saling lengkap melengkap antara kedua-kedua entiti berkenaan benar-benar berjaya.

Dalam wawancara dengan *Utusan Malaysia* baru-baru ini, Naib Canselor UTHM, **PROFESOR DR. WAHID RAZZALY** melahirkan harapan agar pihak industri terus memainkan peranan dalam memperkasakan kewibawaan universiti.



## Program Advokasi Ilmuwan

MAJLIS PROFESOR NEGARA  
UTUSAN MALAYSIA CPTV

### Kerjasama Universiti-Industri: Apa Masalahnya?



Hari ini • 10.00 pagi  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

versiti. Ini dapat dilihat semasa proses penggubalan atau pengemaskinian kurikulum, input dari pihak industri kita peroleh dengan melantik ahli industri yang berkepakaran sebagai Panel Penasihat Industri malahan sehingga ke tahap Profesor Adjung. Melalui pelantikan ini, pihak industri berpeluang menyampaikan keperluan terhadap kemahiran yang diperlukan serta menyampaikan syarahan kepada warga universiti.

**UTUSAN:** Bagaimana pula dengan peranan yang dimainkan oleh pihak kerajaan dalam menggalakkan hubungan antara universiti dan industri?

Peranan utama kerajaan adalah sebagai badan *regulatory* dan penguatkuasaan untuk memastikan kualiti produk dan perkhidmatan adalah terbaik. Badan *regulatory* utama negara adalah MQA yang disokong oleh badan profesional yang diwakili setiap sektor industri. Selain itu, kerajaan juga menyumbang dana kepada kerjasama ini.

Sememangnya hasrat kerajaan ingin melihat pihak industri turut memainkan peranan dalam memperkasakan kewibawaan universiti

siti dan ini telah diterjemahkan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025. Antara inisiatif yang dilaksanakan Kementerian Pengajian Tinggi adalah dengan mewujudkan Jaringan Penyelidikan Swasta-Awam (*Public-Private Research Network - PPRN*). Melalui program tersebut, pihak industri yang mempunyai masalah teknologi/teknikal boleh mendapatkan khidmat kepakaran dari tenaga akademik di universiti serta memilih cadangan penambahbaikan serta kos yang bersesuaian dengan keperluan mereka.

Melalui program *CEO @ Faculty* pula, ia memberikan peluang kepada tokoh-tokoh korporat dalam industri negara kita untuk hadir ke universiti bagi berkongsi pengalaman kepada pelajar. Kata-kata hikmah yang diberikan membolehkan pelajar mendapatkan input yang berguna sebagai bekal persediaan ke alam pekerjaan.

**UTUSAN:** Kembali kepada topik latihan industri, sering kali kita dengar keluhan pelajar bahawa program yang dilalui itu kadangkala tidak memberikan peluang untuk mengaplikasikan kemahiran teknikal yang dipelajari. Apakah sebenarnya peranan industri dalam program ini?

Sebenarnya antara peranan industri juga adalah untuk membantu pelajar dalam suasana pekerjaan sebenar. Tidak akan berlaku tudingan daripada industri bahawa pelajar serba kekurangan sekiranya industri berada dalam proses pembanggu-

nan pelajar. Program 2U2i sangat sesuai dengan usaha kerjasama ini, dalam konteks ini juga UTHM bekerjasama dengan industri untuk membangunkan *Teaching Factory* atau *Centre for Technology*.

Pelajar juga harus menyedari bahawa konsep latihan industri sebenarnya merangkumi elemen lain yang lebih besar iaitu kemahiran menggunakan *softskill* seperti berkomunikasi, pemikiran kritis serta kemahiran menangani tekanan di tempat kerja.

**UTUSAN:** Selain aktiviti yang dibincangkan, adakah terdapat program lain yang boleh dijalankan antara universiti dan industri. Bagaimanakah hubungan ini dapat diperkasakan lagi?

Kita telah mewujudkan program *integrated corporate social responsibility* (i-CSR) yang mana melalui program ini membolehkan pelajar kita untuk turut sama menjayakan aktiviti khidmat masyarakat yang ditaja oleh pihak industri. Malahan kita turut memperuntukkan kemudahan bagi staf akademik untuk ditempatkan di industri secara sepenuh masa melalui kemudahan Cuti Sabatical Industri.

Apa yang lebih penting kini adalah untuk memudahkan pihak industri membuat capaian terhadap kemudahan serta perkhidmatan yang boleh ditawarkan oleh sebuah universiti, agar menepati keperluan mereka. Di universiti ini sebagai contoh kita telah mewujudkan Pejabat Hubungan Industri khusus bagi memudahkan pihak industri berhubung dengan universiti.

Untuk masa hadapan, konsep universiti dalam industri atau industri dalam universiti perlu diberikan pemikiran sewajarnya.

**UTUSAN:** Apakah yang diharapkan daripada program advokasi ini?

Harapan saya semoga melalui program advokasi ini serta hebatan media dapat menyebarluaskan maklumat khususnya kepada pihak industri bahwasanya universiti sememangnya komited untuk lebih aktif mewujudkan hubungan yang lebih lestari dengan pihak industri.